



SIARAN AKHBAR

PROGRAM GOOD GOVERNANCE (ACCOUNTING SYSTEM)

Hari Selasa, 7hb Zulkaedah 1443H bersamaan 7hb Jun 2022M

Bandar Seri Begawan – Pada hari Selasa, 7hb Jun 2022, sebagai salah satu inisiatif bagi mengukuhkan dan mempertingkatkan lagi tadbir urus yang baik (*good governance*) pengusaha - pengusaha industri pertanian dan agrimakanan dan perikanan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP) telah mengadakan satu sesi taklimat mengenai penggunaan *accounting system*.

Hadir selaku Tetamu Kehormat bagi sesi taklimat tersebut ialah **Yang Mulia Dayang Hajah Dahlia binti Haji Aliakbar, Timbalan Setiausaha Tetap II**, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan. Wakil-wakil yang telah dijemput dari beberapa agensi termasuk Authority for Infocommunications Technology Industry (AITI), Darussalam Enterprise (DARe), Dynamik Technologies Sdn Bhd, Shell Livewire Brunei dan Syarikat Cropbee Farm telah memberikan taklimat mengenai dengan pentingnya

sistem perakaunan dan telah memperkenalkan empat (4) sistem perkhidmatan perakaunan yang dapat digunakan oleh pengusaha-pengusaha tempatan.

Taklimat berkenaan adalah merupakan salah satu inisiatif pihak Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan bagi membantu serta mengalakkan pengusaha - pengusaha untuk meningkatkan keluaran dengan tadbir urus yang kukuh melalui penggunaan sistem perakaunan dan penyimpanan rekod perniagaan yang betul dan lengkap. Dengan adanya sistem perakaunan yang lengkap dan teratur dan urustadbir yang baik, ianya dapat membantu para peladang dan pengusaha yang berkenaan dalam membuat keputusan dan perancangan yang lebih baik (*better decision making and planning*) untuk mengukuhkan perusahaan dan mengembangkan perniagaan di masa akan datang.

Seramai 42 pengusaha telah menyertai taklimat pada kali ini, yang mana juga turut dihadiri sama oleh pegawai-pegawai yang berkenaan dari Jabatan Pertanian dan Agrimakanan dan Jabatan Pertanian. Inisiatif tersebut akan dilaksanakan secara berterusan kepada pengusaha-pengusaha industri pertanian dan agrimakanan dan perikanan bagi sama-sama menyumbang ke arah mendokong usaha Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan dalam mencapai visi dan misinya ke arah meningkatkan keluaran dari industri sumber-sumber utama dan pelancongan dan juga sumbangannya kepada pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar.

Disediakan oleh:
Kementerian Sumber – Sumber Utama dan Pelancongan